



## PULAU PINANG

Seorang peniaga kasut dari Rajastan, India menyusun kasut yang dibuat daripada kulit unta di Festival Membeli-belah India Antarabangsa yang berlangsung di Penang Time Square, semalam. Selain itu, pelbagai jenis aksesori perhiasan wanita dari India menarik perhatian pengunjung. Festival julung kali diadakan di negeri ini mempamerkan pelbagai produk terkenal dan berkualiti seperti pakaian tradisional, aksesori perhiasan wanita, batu hiasan, barangan kulit dan perhiasan rumah. Sebanyak 45 gerai disediakan di festival tersebut termasuk 22 gerai yang mempamerkan produk dari Malaysia. Festival itu diadakan selama lima hari mulai hari ini dan dibuka dari jam 12 tengah hari hingga 10 malam. BERNAMA.